

**PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN**  
**KEBENARAN PENGIMPORTAN KENDERAAN PERDAGANGAN**  
**BAGI TUJUAN KENDERAAN PELANCONGAN**

- A. Objektif Utama** : (i) Membantu industri pelancongan dengan memberikan pilihan kenderaan terbaik kepada operator untuk meningkatkan kualiti *experience* semasa melancong dalam negara; dan  
(ii) Kebenaran diberikan bukan di atas objektif mengaut keuntungan di atas jual beli kenderaan tetapi dilaksanakan selaras dengan fokus pemulihian sektor pelancongan pasca pandemik Covid-19.
- B. Tempoh Pelaksanaan** : **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023**
- C. Syarat Kelayakan** : (i) Syarikat pemohon:  
Syarikat adalah syarikat *operator* yang memiliki lesen agensi pelancongan Inbound dan permit bas persiaran sahaja.  
(ii) Kenderaan yang layak:  
(a) Kenderaan Perdagangan Baharu:
  - Kenderaan perdagangan jenis *window van* (melebihi 12 tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu), *coaster* dan *bas*; dan
  - Kelulusan hanya terhad kepada kenderaan mesra alam iaitu sekurang-kurangnya menggunakan Diesel Euro 5 ke atas.

*(Nota: Bagi model kenderaan dimohon yang ada dipasang atau seumpamanya di Malaysia ATAU ada diimport oleh syarikat *francais* ATAU tertakluk kepada sekatan import, syarikat hendaklah membelinya dari pasaran tempatan)*

(b) Kenderaan Perdagangan Terpakai:

- Kenderaan perdagangan jenis *window van* bagi 13 hingga 18 tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu; dan
- Usia di antara satu (1) tahun hingga lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran pertama di negara asal.

*(Nota: Bagi model kenderaan dimohon yang ada dipasang atau seumpamanya di Malaysia atau ada diimport oleh syarikat francais, syarikat hendaklah membelinya dari pasaran tempatan)*

**D. Kaedah Permohonan** : (i) Permohonan dipertimbangkan secara kes demi kes (*case-by-case basis*) oleh JKAP;

- (ii) Jumlah unit kenderaan bergantung kepada permohonan; dan
- (iii) Sekiranya diluluskan, pengimportan hanya boleh dilakukan seperti berikut:

(a) Kenderaan Perdagangan Baharu:

- Dilakukan melalui syarikat pengeluar (OEM) sahaja (seperti UMW Toyota Sdn. Bhd.); dan
- Jika syarikat OEM tidak dapat membuat pengimportan, syarikat pengusaha pelancongan yang berdaftar perlu mendapatkan surat tiada halangan (*No Objection Letter – NOL*) daripada syarikat OEM.

(b) Kenderaan Perdagangan Terpakai:

- Dilakukan melalui syarikat AP Terbuka yang dilantik oleh MITI serta bukan dari kalangan syarikat yang sedang dikenakan tindakan penggantungan peruntukan AP;

- Pengimportan oleh syarikat AP Terbuka akan menggunakan agihan peruntukan AP sedia ada syarikat;
  - Kenderaan yang diluluskan AP adalah tertakluk kepada fi AP Terbuka pada kadar yang sedang berkuat kuasa; dan
  - Selain syarat-syarat khas yang dinyatakan di perenggan E (ii), syarat kelulusan AP Terbuka (mana-mana yang berkaitan) adalah kekal dan terpakai.
- (iv) Syarat-syarat yang ditetapkan boleh dipinda oleh Jawatankuasa Kerja Mentadbir Lesen Import dan Eksport (JKAP) dari masa ke semasa mengikut keperluan/halatuju semasa negara.
- E. Syarat-syarat Lesen Import (AP)
- (i) Kenderaan Perdagangan Baharu:
- (a) Didaktarkan atas nama syarikat pemohon (memiliki lesen agensi pelancongan *Inbound* dan permit bas persiaran);
  - (b) Pengimportan kenderaan hendaklah disertakan salinan *Certificate of Origin/ Registration*;
  - (c) Tidak boleh dijual/ ditukar hak milik dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran pertama di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebarang pengurangan duti import perlu dibayar sepenuhnya sekiranya syarikat bercadang untuk menjual kenderaan selepas tempoh itu; dan
  - (d) Satu salinan pendaftaran kenderaan dengan pihak JPJ hendaklah dikemukakan kepada Kementerian ini untuk rekod dan simpanan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan.

- (ii) Kenderaan Perdagangan Terpakai:
- (a) Didaftarkan atas nama syarikat pemohon (memiliki lesen agensi pelancongan *Inbound* dan permit bas persiaran);
  - (b) Pengimportan kenderaan hendaklah disertakan salinan *Certificate of Origin/ Registration*;
  - (c) Tidak boleh dijual/ ditukar hak milik dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pendaftaran pertama di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
  - (d) Kenderaan perdagangan terpakai yang diimport hendaklah berusia satu (1) hingga lima (5) tahun berdasarkan tarikh pendaftaran pertama; dan
  - (e) Tidak dibenarkan import kenderaan perdagangan baharu.

F. Proses Kerja : Rujuk:

- (i) **LAMPIRAN A** : Senarai Semak Permohonan Lesen Import (AP) Kenderaan Pelancongan Tahun 2023
- (ii) **LAMPIRAN B** : Carta Alir AP Kenderaan Pelancongan (CBU Baharu)
- (iii) **LAMPIRAN C** : Carta Alir AP Kenderaan Pelancongan (CBU Terpakai)
- (iv) Permohonan akan dinilai oleh JKAP dan keputusan JKAP adalah muktamad dan rayuan ke atas permohonan berkenaan tidak akan dipertimbangkan.